

01/09/1998

KLCB mahu tambah laluan

KL City Bus Sdn Bhd (KLCB), konsortium yang dilantik kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan bas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) merancang memperkukuhkan operasinya dengan menambah lebih banyak laluan pada masa depan.

Usaha berkenaan yang bertujuan meningkatkan taraf perkhidmatannya, turut mengenal pasti beberapa laluan baru termasuk dari Klang melalui Shah Alam; Kajang, Selangor dan Seremban, Negeri Sembilan.

Konsortium berkenaan yang memulakan operasinya 30 Jun lalu dianggotai Park May Bhd, Intrakota Consolidated Sdn Bhd dengan pegangan ekuiti masing-masing 35 peratus dan bakinya oleh tujuh operator bas kecil lain.

Pengurus Besar KLCB, Khalid Ali, berkata beliau yakin dengan kemudahan pengangkutan sedia ada, syarikat mampu menyediakan perkhidmatan bermutu kepada penumpang bagi laluan dari dan ke KLIA.

"KLCB juga sudah menghantar permohonan kepada Lembaga Perlesenanan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk menambah beberapa laluan baru ke KLIA," katanya dalam satu pertemuan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ketika ini, KLCB hanya menyediakan perkhidmatan ekspres dari Hentian Duta ke KLIA dan bas berhenti-henti dari Terminal Tiga Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah melalui Jalan Subang, Stesen Komuter Subang Jaya ke KLIA.

Selain itu, KLCB juga menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti dari stesen komuter di Nilai Negeri Sembilan melalui Bandar Baru Salak Tinggi ke KLIA.

Khalid berkata, syarikat juga mengadakan kajian kemungkinan bagi laluan dari Port Dickson, Negeri Sembilan ke KLIA.

Sementara itu, Pengurus Kanan KLCB, Mohd Salleh Adnan, berkata selaras dengan objektif syarikat untuk menyediakan kemudahan terbaik turut mengambil kira keselesaan penumpang, kepantasan dan ketepatan waktu.

KLCB yang kini beroperasi menerusi 13 bas ekspres, lapan bas berhenti-henti Park May dan empat koc kecil dengan disokong perkhidmatan bas Intrakota, yakin mampu memenuhi keperluan penumpang bagi laluan pergi-balik.

"Syarikat bersedia meningkatkan keupayaan perkhidmatan sedia ada bergantung kepada sambutan penumpang yang mana kami sentiasa memastikan urusan perjalanan adalah mengikut masa yang ditetapkan."

Dalam pada itu, KLCB juga tidak hanya bergantung kepada perkhidmatan bagi laluan terus dari dan ke KLIA, sebaliknya turut menyediakan kemudahan pengangkutan ke beberapa hotel.

Antaranya termasuk perkhidmatan koc ke hotel Dynasty, Pan Pacific, The Legend, Quality, Grand Pacific, Grand Season dan Grand Continental di Kuala Lumpur.

Dengan menawarkan harga yang berpatutan, KLCB juga menyediakan ruang letak kereta secara percuma di stesen Hentian Putra di samping jaminan keselamatan 24 jam.

Khalid berkata, perkhidmatan bas KLCB bukan sahaja selesa malah juga mampu menjimatkan kos lebih daripada 50 peratus perbelanjaan yang bakal ditanggung individu sekiranya mereka memandu sendiri.

Dengan memperkenalkan tiga jenis perkhidmatan iaitu bas ekspres mewah pada kadar bayaran di antara RM25 dan RM23 serta separa mewah berharga RM16, beliau berkata, tambang yang dikenakan itu adalah wajar.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan KLCB

boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-880-495.

Tanpa meletakkan sebarang sasaran perolehan daripada perkhidmatan yang disediakan, Khalid berkata menerusi pelbagai strategi pemasaran yang dilaksanakan, KLCB berupaya menikmati pendapatan memberangsangkan.

Sejak memulakan operasi Julai lalu, purata penumpang yang mendapatkan perkhidmatan bas KLCB sebanyak 1,012.22 orang setiap hari, manakala pada bulan Ogos sehingga 23 Ogos lalu ialah 1,0025.35 orang.

Sebagai mempromosikan Hentian Duta sebagai sebuah perhentian ke KLIA dan juga bersempena Kuala Lumpur 98 yang akan berlangsung September ini, acara larian Duta juga diadakan di sini dengan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

KLCB turut memperkenalkan pakej istimewa sepanjang Ogos dan September ini dengan harga promosi pergi-balik RM20 untuk dewasa dan RM15 bagi kanak-kanak.

(END)